

30 JUL 2002

Polis-Laporan

KAKITANGAN KERAJAAN BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP BUNYAMIN

PASIR MAS, 30 Julai (Bernama) -- Seorang kakitangan kerajaan, Kamarul Bahrin Awang hari ini membuat laporan polis terhadap seorang penceramah PAS, Bunyamin Yaacob yang mendakwa kononnya Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucunya.

Kamarul Bahrin, 36, dari Kampung Teliar Bunut Susu di sini, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Pasir Mas di sini pada pukul 12 tengah hari.

Beliau membuat laporan itu selepas menonton Berita Perdana yang disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui TV1 pada pukul 8 malam Jumaat, Sabtu dan Ahad lepas, yang turut memaparkan ucapan Bunyamin membuat tuduhan itu terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tuduhan yang menyatakan seseorang yang berjawatan Perdana Menteri menonton filem lucu adalah tuduhan yang amat serius dan memalukan. Ia menjejaskan nama baik negara dan bertentangan dengan ajaran agama Islam," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis itu.

Kamarul Bahrin berkata Bunyamin berucap di hadapan ribuan penonton dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang turut hadir pada majlis itu tidak menegur serta menasihati Bunyamin bahawa membuat tuduhan tanpa bukti yang jelas adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

"Tuduhan ini telah menjejaskan nama baik negara dan maruah pemimpin Islam kerana orang yang dituduh adalah Perdana Menteri dan juga pemimpin Islam," katanya.

Beliau meminta polis segera menyasiat perkara itu dan mengambil tindakan bagi menentukan kebenaran.

Katanya, jika tuduhan yang dibuat itu tidak benar, tindakan tegas dan sewajarnya mengikut undang-undang negara hendaklah diambil bagi membersihkan nama baik Perdana Menteri, negara dan martabat masyarakat Islam.

Jurucakap IPD Pasir Mas mengesahkan menerima laporan daripada Kamarul Bahrin.

-- BERNAMA

BD ROS